

Newspaper	UTUSAN MALAYSIA
Date	13 AUGUST 2016

# Tingkatkan projek bantu rakyat

UM - 13/8/2016

Oleh **SOFIAN BAHAROM**  
dan **JUANI MUNIR**

[pengarang@utusan.com.my](mailto:pengarang@utusan.com.my)

**PUTRAJAYA 12 Ogos** - Datuk Seri Najib Tun Razak menyarankan Pihak Berkuasa Pelaksanaan Koridor Utara (NCIA) untuk memperingkatkan usaha pembangunan projek penjanaan tenaga solar, SuriaKu dan Program Pengurusan Estet Padi (EMM) di Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER).

Perdana Menteri juga ingin melihat kedua-dua projek itu diperluaskan berikutan kejayaannya dalam meningkatkan pendapatan serta taraf hidup rakyat menerusi projek perintis di Pauh, Perlis dan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Ketua Eksekutif NCIA, Datuk Redza Rafiq berkata, perkara itu telah disentuh oleh Perdana Menteri

ketika mempengerusikan mesyuarat ke-16 NCIA yang berlangsung selama lebih satu jam di Bangunan Perdana Putra, di sini hari ini.

Redza berkata, Najib teruja dengan kejayaan-kejayaan yang dilakar oleh kedua-dua inisiatif berkenaan terutama Suriaku yang telah menambah pendapatan peserta antara RM400 hingga RM700, bergantung kepada keadaan cuaca.

"Selain itu, Perdana Menteri mahu program EMM dikembangkan segera ke negeri lain kerana keupayaannya meningkatkan penghasilan padi sehingga enam tan sehektar dengan anggaran pendapatan sebanyak RM1,400 setan," katanya kepada pemberita selepas mesyuarat berkenaan.

Terdahulu, Perdana Menteri menyaksikan pertukaran empat dokumen perjanjian program pembangunan di koridor utara

bernilai RM960 juta melibatkan tiga syarikat swasta dan satu Pertubuhan Peladang Kawasan (PPK) iaitu PPK Kuala Muda Selatan, Temasek Growth Sdn. Bhd., Fig-Direct Sdn. Bhd. dan Attest Research Sdn. Bhd.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Ahmad Zahid Hamidi.

Hadir sama, Menteri Besar Kedah, Datuk Seri Ahmad Bashah Md. Hanipah; Menteri Besar Perlis, Datuk Seri Azlan Man, Ketua Menteri Pulau Pinang, Lim Guan Eng dan Pengerusi Jawatankuasa Industri, Pelaburan dan Pembangunan Koridor negeri Perak, Datuk Mohamad Zahir Abdul Khalid.

Yang hadir sama, Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Datuk Abdul Rahman Dahlan dan Ketua Setiausaha Negara, Tan Sri Dr. Ali Hamsa.